

18 SEP 2003

Mahathir-China/I

ASIA TENGGARA TIDAK PERLU BIMBANG DENGAN CHINA

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara-negara Asia Tenggara tidak perlu bimbang dengan China kerana tiada kemungkinan negara itu inginkan peluasan kuasa dan melakukan tindakan ketenteraan.

Katanya, melainkan China diprovokasi, kebimbangan itu sebenarnya tidak bertempat kerana dalam dunia masa kini, penaklukan ketenteraan adalah tidak perlu, mahal dan tidak produktif.

"Kita tidak percaya China akan melakukan tindakan ketenteraan. Oleh itu tidak ada sebab Asia Tenggara bimbangkan kekuatan ketenteraan China," katanya dalam ucap tama pada Sidang Kemuncak Kerjasama Malaysia-China 2003 di Seri Kembangan, dekat sini.

Ucapannya dibaca oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak yang mewakili Perdana Menteri pada sidang dua hari itu yang berakhir esok.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata pembentukan mekanisme seperti Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicetuskan semasa lawatan Perdana Menteri China Li Peng ke Kuala Lumpur pada Disember 1990, diperlukan bagi meredakan mana-mana pertelingkahan.

Dr Mahathir berkata EAEG akan membantu menangani cabaran-cabaran dan membuka peluang kepada negara-negara Asia Tenggara untuk meraih manfaat daripada kemakmuran dan kestabilan China.

"Bukan sahaja China akan menjadi pasaran besar kepada produk dan perkhidmatan Asia Tenggara tetapi pelaburan China di Asia Tenggara juga akan bertambah," katanya.

Perdana Menteri berkata setengah bilion penduduk Asia Tenggara akan menjadi pasaran besar kepada produk dan perkhidmatan China.

"Apa yang perlu dibimbangkan Asia Tenggara ialah sikap yang mereka ambil terhadap China.

"Jika Asia Tenggara terlibat dalam usaha mengekang China maka suasana konfrontasi akan tercetus dan tumpuan terpaksa diberikan bagi menghadapi konflik. Asia Tenggara tentu akan rugi jika berlaku ketegangan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata kebangkitan China sebagai kuasa besar ekonomi tidak seharusnya menakutkan Asia Tenggara kerana akan wujud cabaran dan peluang.

Katanya, negara-negara Asia Tenggara perlu belajar menguruskan cabaran dan merebut peluang.

"Kemungkinannya ialah paling tidakpun kita akan mencapai imbalan tetapi dengan sedikit kepintaran, Asia Tenggara yang bakal meraih lebih manfaat dengan pembukaan pasaran China yang lebih kaya," katanya.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia akan mengukuhkan hubungan antara kepimpinan di semua peringkat dan meningkatkan persefahaman, kepercayaan dan mempromosikan kerjasama perdagangan, sains, teknologi, kebudayaan dan pendidikan.

Dr Mahathir berkata pembentukan dan pelancaran rasmi Majlis Perniagaan Malaysia-China oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Beijing, dua hari lepas adalah penting.

Majlis itu akan menjadi saluran peningkatan kerjasama dua hala dalam bidang perniagaan dan ekonomi.

"Kita berharap dengan pembentukannya, kedua-dua negara akan membangunkan lagi aktiviti sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi, industri kecil dan sederhana, pertanian dan lain-lain,"

katanya.

-- BERNAMA

AT AHH AAM MOZ